# Terus 'hidupkan' Hari Kebangsaan

September 7, 2021 @ 11:01am




Patriotisme perlu dipupuk sejak usia muda agar kita sentiasa menghargai nikmat hidup merdeka

Sambutan kemerdekaan masih seperti tahun sebelumnya tanpa kemeriahan perbarisan dan persembahan berskala besar membabitkan orang ramai di dataran utama negeri masing-masing.

Tidak dinafi membangkitkan semangat sambutan kemerdekaan ketika negara masih berdepan COVID-19 sangat sukar walaupun sudah dua tahun sambutan dalam kelaziman baharu.

Namun, ia bukan alasan membiarkan ulang tahun kemerdekaan suram tanpa kibaran Jalur Gemilang dan nyanyian lagu patriotik.

Bahang sambutan masih terasa bersesuaian tema 'Malaysia Prihatin'. Kali ini, seluruh rakyat dilihat lebih bersedia dengan sambutan dalam norma baharu dengan menyaksikan secara maya.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Pandemik bukan penghalang sambut Hari Kebangsaan
- Kibarkan Jalur Gemilang
- Semangat patriotik
- Hayati kemerdekaan pupuk patriotisme

Ucapan terima kasih dan tahniah ditujukan atas usaha mereka yang menjayakan sambutan secara maya penuh kenangan ini.

TERKINI PILIHAN PEMBACA

- 4m 13 farmasi di Perlis gagal patuhi harga maksimum kit ujian COVID-19
- 8m 101 gelandangan di Sarawak terima suntikan vaksin COVID-19
- 25m MAINJ salur 7,345 bakul makanan kepada keluarga terjejas COVID-19
- 29m Ringgit dibuka sederhana tinggi
- 33m Terus 'hidupkan' Hari Kebangsaan
- 33m 'Jaga hak komposer, penulis lirik'
- 34m Ekonomi kitaran mampu perkasa sektor komoditi negara
- 36m Sokongan kuat bagi Kono sebagai PM baru Jepun

Kelainan ditonjolkan dengan menggabungkan tiga elemen teknologi terkini, iaitu penerbitan fizikal, teknologi realiti terimbuh (AR) dan realiti meluas (XR) yang memberi sentuhan kelainan.

Aura sambutan juga dilihat berbeza apabila menyaksikan perubahan kepemimpinan negara diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bersama barisan Kabinet baharu.

Dalam konteks sambutan pada peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi bermula awal bulan Ogos lalu, pelbagai pertandingan dianjurkan seperti mewarna, melukis dan mendeklamasi sajak untuk memeriahkan sambutan.

Rakyat kita di luar negara turut meraikannya menerusi anjuran pelbagai cara khusus kerjasama antara Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Kementerian Luar. Ia dapat menanamkan semangat jati diri sebagai anak merdeka tidak kira di mana kita berada.

Bagaimanapun, generasi baharu masih perlu diberikan pendedahan mengenai pengorbanan tokoh pejuang kemerdekaan.

Tema 'Malaysia Prihatin' dilihat relevan situasi semasa, tatkala masyarakat bersama kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berganding bahu memerangi pandemik.

Semangat prihatin harus dipupuk untuk menyokong usaha dilakukan kerajaan dan barisan hadapan supaya kita merdeka daripada wabak ini.

Patriotisme dalam diri bakal melahirkan rasa cinta dan sayang disertakan rasa tanggungjawab demi menjaga kesejahteraan tanah air tercinta.

Episod serangan pandemik hampir melumpuhkan negara tidak sekali-kali melemahkan semangat rakyat meraikan Bulan Kemerdekaan secara sederhana dalam norma baharu untuk menghargai perjuangan pahlawan menentang kuasa penjajah seperti Mat Salleh, Tok Janggut dan Mat Kilau.

Walaupun generasi muda tidak melalui pengalaman sejarah lalu, ibu bapa berperanan merangsang mereka untuk menghargai nilai kemerdekaan.

Tidak dinafikan dimensi merdeka bagi sebahagian rakyat lebih besar kerana erti kemerdekaan sebenar bukan saja bebas daripada kuasa penjajah, bahkan daripada pandemik.

Teruskan usaha bersama untuk menjadi masyarakat prihatin dan mendukung tema Hari Kebangsaan 2021 dengan mengibarkan Jalur Gemilang hingga Hari Malaysia yang bakal tiba 16 September, sebagai simbolik rasa cinta dan sayang negara.

**Dr Umi Hamidaton Mohd Soffian Lee,**

**Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**

## VAKSIN



NASIONAL 9 minit yang lepas

**101 gelandangan di Sarawak terima suntikan vaksin COVID-19**



NASIONAL 44 minit yang lepas

**Hampir 69 peratus populasi dewasa lengkap vaksinasi setakat semalam**



NASIONAL 3 jam yang lepas

**Syor kaji punca kuasa berkaitan pemvaksinan**



NASIONAL 5 jam yang lepas

**Sabah perlukan 2.67 juta dos vaksin**



NASIONAL Sep 6, 2021 @ 1:29pm

**Sarawak teliti lokasi pemberian vaksin kepada remaja**



NASIONAL Sep 6, 2021 @ 10:57am

**Johor sasar vaksinasi remaja bawah 18 tahun akhir Oktober**

## TRENDING



LAIN-LAIN (SUKAN) sejam yang lepas

**Ziyad tidak layak diberi ganjaran - Zolkples**

KES 4 jam yang lepas

**Empat beranak rentung**



BOLA Sep 6, 2021 @ 9:38pm

**Adams meninggal dunia selepas koma 39 tahun**



BOLA Sep 6, 2021 @ 6:48pm

**Khairul, Sham sah letak jawatan**



NASI PUTIH SEDAP 3 jam yang lepas

**Lelaki Ini Kongsi 'Ilmu Pengasih' Masak Nasi Putih Sedap Macam Di Kedai**

SIHAT Sep 6, 2021 @ 5:23pm



**Kematian Kanak-kanak Akibat Covid-19 Meningkat, Ibu Bapa Jangan Culas!**

IKUTI KAMI DI:

**BERITA**
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

**SUKAN**
**DUNIA**
**HIBURAN**
**BISNES**
**RENCANA**
**WANITA**
**HUJUNG MINGGU**

**MULTIMEDIA**
Foto
BHTV
Infografik

**LANGGAN**
Akhbar Digital
Akhbar BH

**PERKHIDMATAN**
Iklan Web
1Klassifieds
NSTP KLiK

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi